

D613

U B250 BAH

UMNO

KUALA LUMPUR, 18 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU SATU PERJUMPAAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DAN AGENSI-AGENSI PENERANGAN BAHAWA KRISIS MCA SEKARANG BUKAN LAGI MENJADI KRISIS PARTI ITU TETAPI MERUPAKAN SATU MASALAH BARISAN NASIONAL.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID BERKATA Pengerusi BN itu menegaskan bahawa BN memerlukan parti MCA yang teguh dan bersatupadu untuk menghadapi pilihanraya kebangsaan akan datang.

Kira-kira 1,800 orang pemimpin UMNO peringkat bahagian dan pegawai kemas, penerangan khas dan biro tata negara mendengar taklimat mengenai keadaan negara termasuk krisis MCA dan tuntutan gaji yang disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri di Dewan Besar PAPLIMEN.

Semasa bercakap kepada para pemberita pada akhir perjumpaan itu, Datuk Seri Sanusi berkata Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mengemukakan apa-apa cadangan untuk mengatasi masalah MCA kerana itu akan bermakna mencampuri urusan dalam MCA.

Bagaimanapun, katanya, jelaslah bahawa para hadirin telah melahirkan kekhawatiran mereka akan kesan yang negatif jika krisis itu dibiarkan berterusan. -- LAGI.
1535MST 18 08 85

UMNO 2 KUALA LUMPUR

Mengenai tempoh tiga bulan yang diberikan kepada MCA untuk menyelesaikan krisis, Datuk Seri Sanusi menyebut Perdana Menteri sebagai berkata wajarlah sesuatu tempoh waktu diberikan untuk luka dalam MCA sembuh semula.

Datuk Seri Sanusi berkata para hadirin tidak menanyakan kepada Perdana Menteri mengapakah Datuk Dr. Neo Yee Pan digugurkan daripada menjadi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ini, katanya, kerana mereka percaya krisis MCA keseluruhan adalah lebih penting terhadap masa depan BN daripada kesan pengguguran Datuk Dr. Neo daripada kabinet.

Mengenai UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu para anggota dan pemimpin supaya membuang semua surat layang yang diterima, yang bertujuan untuk memecah-belahkan parti, ke dalam bakul sampah.

Perdana Menteri bagaimanapun gembira kerana para anggota UMNO tidak menghiraukan surat-surat layang itu. -- LAGI.
1537MST 18 08 85

D615

U B252 BAH

UMNO 3 KUALA LUMPUR

Mengenai perjumpaan hari ini, yang ketiga diadakan tahun ini, Perdana Menteri meminta hadirin menyampaikan penjelasan kepada rakyat yang seterusnya akan membantu menghapuskan khabar-khabar angin yang tersebar di kalangan rakyat sekarang.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dan Menteri-Menteri Kabinet daripada UMNO. -- BERNAMA
1537MST 13 08 85